

# Isytihar harta jadi KPI menteri: Dr Mahathir

> Langkah antara lima syor GIACC membasmi rasuah

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

## Putrajaya

**S**kop Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) termasuk pengisytiharan harta dicadang dimasukkan dalam petunjuk prestasi utama (KPI) menteri, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, itu antara lima cadangan Pusat Governans Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) pada mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) kelapan yang dipengerusikannya semalam.

Cadangan itu termasuk semua menteri harus memastikan anggota pentadbiran Kementerian mengisytiharkan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), mewujudkan dan me-

laksanakan dasar menerima hadiah, melaksanakan pelan antirasuah peringkat organisasi masing-masing.

Cadangan lain termasuk mengadakan mesyuarat pemantauan governans, integriti dan antirasuah pada peringkat Kementerian dan meningkatkan ketelusan perolehan awam serta mengurangkan risiko rasuah.

“Kerajaan berpendapat rasuah adalah satu gejala jenayah yang akan menghalang kemajuan negara kita.

## **Lawan rasuah**

“Untuk melawan rasuah ini kita perlu mengambil banyak tindakan, tindakan bukan sahaja oleh SPRM tetapi juga tiap anggota kerajaan, kementerian, institusi dan sebagainya. Semua memainkan peranan untuk mencegah rasuah dan masing-masing perlu tahu cara mereka bergerak bagi mencegah rasuah.

“Semua menteri dan timbalan menteri dan juga kita akan panjangkan kepada semua Ahli Parlimen walaupun mereka daripada parti lawan,” katanya.

Mengenai pengisytiharan harta semua Ahli Parlimen, Perdana Menteri berkata, perkara itu akan dibincangkan dengan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Mohamad Ariff Md Yusof, sebelum diteruskan.

Beliau berkata, pengisytihara-

**Semuanya memainkan peranan untuk mencegah rasuah dan masing-masing perlu tahu apakah cara mereka bergerak bagi mencegah rasuah"**

*Dr Mahathir Mohamad,  
Perdana Menteri*

ran harta dalam kalangan Ahli Parlimen pembangkang adalah sebagai 'fi' atas keterbukaan kerajaan yang membenarkan mereka mengkritik.

Ditanya siapa yang akan memantau pelaksanaan usaha kerajaan dalam menangani rasuah, Dr Mahathir berkata, GIACC akan berbuat demikian berdasarkan laporan awam.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri menafikan pegawai lantikan politik mengganggu tugas penjawat awam seperti didakwa Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Sebaliknya, beliau berkata, apa yang berlaku hanyalah teguran dan perselisihan pendapat.

“Kadang-kadang ada perselisihan pendapat, jadi tegurlah, tak ganggu,” katanya.

Semalam, Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda mendakwa masih terdapat pegawai lantikan politik yang mengganggu tugas penjawat awam meskipun sudah genap setahun Malaysia baharu.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengkaji sama ada wujud keperluan untuk menyiarkan dapatan insiden rusuhan kaum 13 Mei 1969 yang berada di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Beliau berkata, ini susulan permintaan dan cadangan daripada beberapa pihak yang meminta kerajaan menyiarkan dapatan insiden itu.

Mengenai tindakan kerajaan menghantar pulang seorang aktivis wanita ke negara asalnya, Thailand, selepas dikehendaki berhubung pandangan antimonarkinya, Perdana Menteri berkata, Malaysia menghantar pulang wanita terbabit berdasarkan permintaan Thailand.

Wanita terbabit, Praphan Pithnamporn, adalah pencari suaka yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR), tetapi ditangkap polis Malaysia bulan lalu atas permintaan Thailand, sebelum dihantar pulang minggu lalu.